

BAB ENAM

DAPATAN KAJIAN, CADANGAN DAN PENUTUP

6.0 Pengenalan

Bab ini merupakan bab yang terakhir bagi kajian ini. Ia mencakupi pendahuluan, dapatan kajian, cadangan dan penutup. Dalam tajuk dapatan kajian ini penulis akan menyimpulkan beberapa fakta penting dalam keseluruhan perbincangan yang telah dibahas dalam kajian ini.

6.1 Dapatan Kajian.

- a. al-Sakkākīy adalah seorang ulama terkenal pada akhir abad ke-6 dan awal abad ke-7 Hijrah bertepatan dengan akhir abad ke-12 dan awal abad ke-13 Masihi. Beliau dilahirkan di Republik Uzbekistan pada tahun 555 Hijrah bertepatan dengan tahun 1160 Masihi. Berdasarkan pendapat yang muktamad beliau meninggal dunia pada tahun 626 Hijrah bertepatan dengan tahun 1229 Masihi.
- b. Sesuai dengan situasi masyarakat di sekelilingnya yang berpegang pada mazhab Hanafi dalam bidang fekah dan aliran mu‘tazilah dalam bidang akidah, maka al-Sakkakiy juga berpegang pada dua mazhab tersebut. al-Sakkākīy mendapat ilmu daripada Sadīd al-Dīn al-Khaiyāṭīy, Ibn Saīd al-Harithīy, Muḥammad bin ‘Abd. al-Karīm al-Turkistanīy. Peristiwa ini berlaku setelah al-Sakkakiy berusia 30 tahun. Tiada rujukan yang menyebut tentang murid beliau melainkan hanya seorang murid sahaja, iaitu Mukhtār bin Maḥmūd bin

Muḥammad al-Zāhidīy, yang dikenal dengan panggilan “Najm al-Dīn”, beliau adalah pengarang kitab *Syarḥ āl-Qūdūrīy*.

- c. al-Sakkākīy mempunyai banyak karangan, antara lain ialah *Muṣḥaf al-Zahrāt*, *Syarḥ al-Jumal*. Kitab ini merupakan huraian bagi kitab *al-Jumal* karya ‘Abd al-Qāhir al-Jurjānīy, *al-Tibyān*, *Kitāb Fī al-Ṭalmis*. Kitab ini ditulis dalam bahasa Parsi, *Risālah Fī ‘Ilm al-Munāzarāt* dan kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm*. Kitab ini adalah karya awal beliau, ia mengandungi pelbagai bidang perbincangan, iaitu bidang kesusasteraan dan ilmu bahasa Arab, seperti ilmu ṣaraf, ilmu nahu, ilmu ma‘ānī, ilmu bayān, ilmu badī‘, ilmu ḥudūd (berkenaan dengan definisi), istidlāl, ‘arūḍ, qāfiyaṭ dan i‘jāz al-Quran al-Karim. Kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm* ditulis selepas tahun 600 H / 1203 M., iaitu pada zaman kerajaan Abbasiyah, khasnya pada masa pemerintahan Khalifah al-Nāsir Li Dīnīllāh (622 H / 1225 M).
- d. Dalam kajian ilmu balaghah, al-Sakkakiy mengutamakan ilmu ma‘ānī daripada ilmu bayān dalam perbincangannya. Mengikut beliau ilmu ma‘ānī ialah bidang kajian tentang spesifik struktur kata untuk menghasilkan suatu manfaat dan yang berkaitan dengannya, sama ada dari segi memperindahkan ungkapan, mahupun untuk tujuan lain, agar dapat terhindar daripada berlaku kesalahan dalam menyesuaikan sesuatu ungkapan dengan kehendak situasi di mana ungkapan itu diucapkan. Sedangkan Ilmu bayān ialah bidang kajian tentang tatacara mewujudkan suatu makna yang serupa dengan redaksi yang berbeza, sama ada dengan penambahan untuk menerangkan maksud atau dengan pengurangan untuk mengelakkan dari pada kesalahan dalam merangkaikan

sesuatu ungkapan supaya dapat melahirkan maksud yang sempurna. Walau bagaimanapun al-Sakkākīy tidak mendefinisikan ilmu badī‘, beliau hanya menyebut taḥsīn al-kalām "تَحْسِينُ الْكَلَامِ" (memperindah ungkapan) dan membahaginya kepada dua bahagian, iaitu sama ada yang merujuk kepada lafaz ataupun yang merujuk kepada makna.

- e. Bila dirujuk kepada sumber yang mengkaji tentang al-Sakkākīy maka didapati para ulama sependapat bahawa balaghah al-Sakkākīy adalah sandarannya pada balaghah al-Jurjānīy, khususnya pada dua karya beliau *Asrār al-Balāghat* dan *Dalā'il al-I'jāz*, karya al-Zamakhshariy; *al-Kasysyāf* dan karya al-Rāzīy; *Nihāyat al-Ījāz Fī Dirāyat al-I'jāz*, di mana kitab ini merupakan ringkasan kepada dua karya al-Jurjānī, iaitu *Asrār al-Balāghat* dan *Dalā'il al-I'jāz*. Hal ini diakui oleh al-Sakkākīy sendiri. Beliau mengaku mengambil pendapat-pendapat daripada para ulama silam. Kitab *Miftāḥ al-'Ulūm* ditulis setelah memperhatikan usaha-usaha ulama sebelumnya, seperti Ibn al-Mu‘tazz, ‘Abd al-Qāhir al-Jurjānīy, al-Zamakhshariy dan lain-lain.
- f. Sungguhpun ilmu balaghah telah diasaskan oleh ‘Abd Qāhir al-Jurjānīy dan ‘AbduLlāh bin al-Mu‘tazz, namun mereka tidaklah membuat pembahagian terperinci seperti yang kita lihat pada hari ini, sehingga muncul Abū Ya‘qūb al-Sakkākīy, maka beliaulah yang membuat pembahagian bidang balaghah kepada tiga bahagian dan menyusun bab-babnya pada tempat yang sesuai dan teratur menerusi karyanya *Miftāḥ al-'Ulūm*, sehingga ada yang menganggap bahawa beliaulah sebagai pengasas ilmu balaghah

- g. al-Sakkākīy melihat bahawa ilmu ma‘ānī memerlukan kepada pengetahuan tentang “had” (definisi) dan “istidlāl” (penghujahan). Atau dengan lain perkataan ia memerlukan kepada ilmu mantiq, maka beliau mengambil ruang untuk perbahasan yang berkaitan dengan ilmu mantiq, seperti mana bagi yang mempelajari ilmu ma‘ānī dan ilmu bayān memerlukan kepada ilmu ‘arūḍ dan ilmu qāfiyat, maka beliau mengasingkan perbahasan bagi dua bidang ini pada akhir kitab. Dengan demikian kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm* mencakup perbahasannya tentang ilmu saraf, ilmu nahu, ilmu ma‘ānī, ilmu bayān, ilmu badī‘, ilmu mantiq, ilmu ‘arūḍ dan ilmu qāfiyat.
- h. Tokoh-tokoh terkemuka sebelum al-Sakkākīy, seperti al-Jurjānīy (401 H – 471 H / 1010 M – 1078 M) yang terkenal dengan dua karyanya dalam bidang sastera dan ilmu balaghah, iaitu *Asrār al-Balāghat* dan *Dalā’il al-I’jāz*, di dalam dua karya ini perbahasan ilmu balaghah masih bercampur baur antara satu sama lain, di mana al-Jurjānīy menghimpunkan perbahasan tasybīḥ dengan majāz dan kināyat dalam satu bahagian yang sama. Bahkan perbahasan ilmu bayān seperti isti‘ārat dianggap sebagai bahagian dari ilmu badī‘.
- i. al-Sakkākīy adalah orang pertama yang memisahkan ilmu balaghah dari ilmu-ilmu bahasa Arab yang lain, beliau juga orang pertama yang memisahkan antara komponen-komponen ilmu balaghah dan beliau juga yang menamainya dengan istilah-istilah tertentu, seperti “ilmu ma‘ānī” dan “ilmu bayān”. Walau bagaimanapun beliau tidak menyebutkan perbahasan ilmu badī‘ sebagai suatu ilmu seperti “ilmu ma‘ānī” dan “ilmu bayān”, melainkan hanya menyebutnya sebagai kajian memperindahkan ungkapan, sama ada dari segi lafaz mahupun

dari segi makna. Dengan demikian, dapat dikatakan bahawa al-Sakkākīy merupakan pelopor yang membahas bidang balaghah secara berasingan dan terperinci. Di samping itu al-Sakkākīy juga orang pertama yang menyebutkan bahawa kedudukan ilmu bayān berbanding ilmu ma‘ānī bagaikan mufrad (kata tunggal) dengan murakkab (kata gabung), maka kedudukan mufrad lebih utama berbanding murakkab. Dengan lain perkataan ilmu ma‘ānī merupakan bahagian dari ilmu bayān.

- j. Keistimewaan al-Sakkākīy dengan karyanya *Miftāḥ al-'Ulūm* daripada karya-karya sebelumnya dengan pengklasifikasian perbahasan ke dalam bab-bab dan fasal-fasal yang sesuai, dengan susunan yang cermat. Beliau menampilkan karyanya dalam tiga pembahagian, bermula dengan ilmu ṣaraf, mengiringi ilmu nahu, diteruskan dengan ilmu balaghah yang terdiri dari tiga komponen ilmu, iaitu ilmu ma‘ānī, ilmu bayān dan ilmu badī‘. Seterusnya ilmu ḥad (ilmu berkenaan dengan definisi), ilmu istidlāl (ilmu berkenaan dengan penghujahan, ilmu ‘arūḍ dan ilmu qāfiyat).
- k. al-Sakkākīy meletakkan semua masalah dalam kitab *Miftāḥ al-'Ulūm*, setelah memisahkan sebahagiannya dengan sebahagian yang lain dan meringkaskan kata pada tempat yang sesuai, beliau membentangkan semua ini sesuai menurut aturannya, serta mengemukakan bukti-bukti yang diperlukan dan mengekalkan apa-apa yang disetujuinya daripada pendapat-pendapat ulama yang terdahulu. Beliau memberi keterangan dan bimbingan kepada bahagian-bahagian perbahasan yang kurang mendapat perhatian para ulama terdahulu.

- l. Kitab *Miftāḥ al-'Ulūm* adalah sebuah kitab balaghah terapan. Metodologi penyampaian yang digunakan oleh al-Sakkākīy dalam kitab ini adalah metodologi taqrīrī atau disebut juga dengan metodologi ilmi, yaitu metodologi penyampaian maklumat dengan bahasa yang mudah difahami. Dalam penerapannya beliau memperbanyakkan contoh-contoh untuk menghurai setiap tajuk, supaya mudah difahami.
- m. Dalam membincangkan bidang balaghah al-Sakkākīy lebih mengutamakan perbincangan ilmu ma'ānī berbanding ilmu bayān dan ilmu badī', sehingga beliau mendahulukan ilmu ma'ānī dalam perbincangannya, di mana mengikut beliau posisi ilmu ma'ānī berbanding ilmu bayān bagaikan mufrad (kata tunggal) berbanding murakkab (kata gabung), maka posisi mufrad lebih utama berbanding murakkab kerana mufrad itu merupakan bahagian daripada murakkab, begitulah pula posisi ilmu ma'ānī berbanding ilmu bayān. Sedangkan ilmu badī' pula adalah berfungsi sebagai teknik memperindahkan bahasa, ia merupakan suatu penyempurnaan dan perlengkapan kepada dua ilmu tersebut.
- n. Dalam perbincangan ilmu ma'ānī al-Sakkākīy menumpukan perbahasannya pada beberapa tajuk utama, iaitu 'al-isnād al-khabarīy', 'al-musnad ilayh', 'al-musnad', 'al-iltifāt', 'al-faṣl, al-waṣl, al-ījāz dan al-iṭnāb', 'al-qaṣr' dan 'al-ṭalab'. Sementara perbincangan ilmu bayān pula berkisar pada tiga tajuk utama, iaitu 'tasybīh', 'majāz', dan 'kināyat'. Sedangkan perbincangan ilmu badī' pula beliau memfokuskan pada badī' ma'nawīy dan badī' lafzīy. Badī' ma'nawīy terdiri daripada dua puluh tajuk kecil, iaitu 'al-muṭābaqaṭ',

“al-muqābalaṭ”, “al-musyākalaṭ”, “murā‘aṭ al-naẓīr”. “al-muzāwajaṭ”, al-laff wa al-nasy”, al-jam‘”, “al-tafrīq”, al-taqṣīm”, “al-jam‘ ma‘a al-tafrīq”, “al-jam‘ ma‘a al-taqṣīm”, “al-jam‘ ma‘a al-tafrīq wa taqṣīm”, “al-īhām”, ta’kīd al-madaḥ bimā yusybih al-dhamm”, “al-tawjīh”, sawq al-ma‘lūm masāq ghairih”, al-i‘tirāḍ”, “al- istitbā‘”, al-iltifāt”, “taqlīl al-lafd wa lā taqlīluḥ”;. Sementara cabang-cabang badī‘ lafzīy pula hanya berkisar pada beberapa tajuk sahaja, iaitu “tajnīs”, yang merangkumi “tajnīs tāmm”, “tajnīs nāqiṣ”, “tajnīs mudhayyal”, “tajnīs muḍāri‘ atau muṭarrif”, “tajnīs lāḥiq”, “qalb, ia merangkumi “maqlūb kull”, “mujnih”, “mustawīy”, “asjā‘ dan “tarsī”.

- o. Di samping komen-komen positif yang diberikan oleh sebahagian ulama kepada al-Sakkākīy, tidak kurang pula kritikan-kritikan ulama Arab terhadapnya, terutamanya dalam penulisan-penulisan mereka tentang sejarah perkembangan ilmu balaghah, di mana apabila menyebut mengenai kejumudan ilmu balaghah mereka pasti mengaitkannya dengan al-Sakkākīy. Ada ulama yang menganggap bahawa al-Sakkākīy sebagai perosak balaghah Arab dengan memasukkan pemikiran-pemikiran falsafah dan mantiq ke dalam balaghah Arab. Bahkan ada antara ulama yang mengatakan bahawa al-Sakkākīy tidak tahu apa-apa tentang cita rasa sastera dalam penyampaiannya, beliau sibuk dengan membuat definisi dan pembahagian terhadap ilmu balaghah.¹
- p. al-Sakkākīy telah membuat penerapan dalam perbincangan bidang balaghah dan cabang-cabangnya, sama ada ilmu ma‘ānī, ilmu bayān dan ilmu badī‘

¹ Lihat: Badawī Ṭabānaṭ, *al-Bayān al-‘Arabīy*, hlm. 165 dan Māzin al-Mubārak, *al-Mūjaz Fi Tārīkh al-Balāghat*, hlm. 111

dengan mengemukakan contoh yang banyak yang dinukilkan daripada al-Quran al-Karim, puisi-puisi dan ayat-ayat yang beliau ciptakan sendiri supaya dapat membantu para pembaca untuk memahami apa yang beliau sampaikan.

- q. Kemasyhuran al-Sakkākīy berkisar pada bahagian ketiga kitab *Miftāḥ al-'Ulūm* khususnya dalam perbincangan ilmu ma'ānī, ilmu bayān dan yang berkaitan dengan keduanya, iaitu faṣāḥah, balāghah dan ilmu tentang teknik memperindahkan bahasa, sama ada yang merujuk kepada lafaz mahupun yang merujuk kepada makna. Semua ini sebagai asas yang membuat para ulama selepasnya menjadi tumpuan untuk meringkas, menghurai, mengulas dan mengkajinya berkali-kali.
- r. Mudah-mudahan faktor utama yang mendorong para pengkaji untuk memberi perhatian kepada kitab *Miftāḥ al-'Ulūm* kerana al-Sakkākīy meletakkan balaghah sebagai dua pengetahuan dasar, yakni ilmu ma'ānī dan ilmu bayān dan menjadikan ilmu badī' sebagai ikutan bagi keduanya. Di samping itu mereka kagum dengan konsep al-Sakkākīy, terutamanya dari segi pengaturan dan penyusunannya yang saling berinteraksi antara satu bidang dengan bidang yang lain.

6.2 Cadangan

- a. Penulisan ini menumpukan kepada peranan al-Sakkākīy dalam perkembangan ilmu balaghah. Penulis mencadangkan supaya penulisan seperti ini dapat dikembangkan dari semasa ke semasa agar para pelajar bahasa Arab, terutamanya pelajar dalam bidang balaghah dapat memanfaatkannya.

- b. Tokoh dalam bidang balaghah masih kurang mendapat perhatian dalam pengajaran ilmu balaghah. Penulis mencadangkan supaya tokoh balaghah seperti al-Sakkākīy, begitu juga tokoh-tokoh yang lain dalam bidang ini perlu diperkenalkan kepada pelajar-pelajar mulai di peringkat sekolah menerusi pengajaran subjek balaghah, supaya mereka dapat mengenali tokoh-tokoh dalam bidang ilmu yang sedang dipelajari, kerana mengenali tokoh ilmu yang sedang dipelajari dapat membantu pelajar dalam proses pembelajaran.
- c. Penulis berpendapat bahawa balaghah yang dibawa oleh al-Sakkākīy baik dan mudah dipelajari, kerana cabang-cabang balaghah yang diperkenalkan dilengkapi dengan definisi-definisi dan pembahagian yang terperinci. Penulis mencadangkan supaya balaghah tersebut dapat diajar kepada pelajar-pelajar di peringkat sekolah setelah dibuat ringkasan yang sesuai serta dipinda contoh-contohnya untuk lebih mudah difahami.
- d. Penulis mencadangkan supaya kajian seperti ini dapat dikembangkan pada masa hadapan dengan tajuk yang berbeza, seperti melihat dari segi uslub dan pemikirannya. Atau memilih tokoh-tokoh dan pakar-pakar balaghah yang lain yang belum pernah disentuh dalam penulisan seperti ini.

6.3 Penutup

Penulis bersyukur kepada Allah (s.w.t.) di atas segala hidayah dan inayahNya sehingga penulisan ini telah dapat diselesaikan walaupun dalam bentuk yang serba kekurangan. Mudah-mudahan penulisan ini ada manfaatnya, terutamanya bagi penulis sendiri, begitu juga bagi pembacanya.